

29 SEP 1998

NAJIB MINTA LAPORAN JATUHKAN DR MAHATHIR DIKEMUKAKAN

KAJANG, 29 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO belum menerima aduan rasmi secara bertulis berhubung dakwaan ada bahagian parti itu diberikan peruntukan wang dan diperalatkan untuk menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkata jawatankuasa itu akan meminta Jawatankuasa Teknikal menjalankan siasatan sekiranya aduan rasmi secara bertulis dikemukakan.

Najib berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas dakwaan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat ada pemimpin peringkat bahagian dibayar elaun bulanan RM5,000 hingga RM10,000 dan ada bahagian disediakan peruntukan RM1 juta hingga RM2 juta bagi menjalankan kegiatan subversif dalam parti.

Mohamed yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO dipetik oleh Utusan Malaysia sebagai berkata di Johor Baharu semalam "kita boleh mengenal pasti mana-mana (bahagian) yang terlibat" dan "ada cakap-cakap mengatakan 90 bahagian yang dipergunakan."

"Kalau mana-mana pihak ada bukti bahawa ada pihak lain yang mempunyai rancangan itu yang boleh disabitkan kesalahan, bolehlah dihantar laporan," katanya selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Teknologi Maklumat dan Multimedia di Universiti Tenaga Nasional di sini.

Najib adalah pengerusi bersama jawatankuasa itu dengan seorang lagi Naib Presiden UMNO Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Luar.

Ditanya sama ada jawatankuasa itu akan meminta Mohamed sendiri mengemukakan laporan rasmi, Najib berkata sesiapa juga boleh mengemukakan laporan kepada jawatankuasa itu.

"Kita mempunyai dasar, sesiapa saja boleh tampil ke hadapan, apabila kita dapat laporan kita akan minta Jawatankuasa Teknikal menyiasat," katanya.

-- BERNAMA

MT oba